

BULETIN

MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
September - Disember 2011



KANDUNGAN

1. Majlis Makan Malam Pesuka 2011 (m/s 1)
2. Program LA 21 (m/s 3)
3. Pertandingan Golf TYT (m/s 4)
4. Forum Rakyat (m/s 5)
5. Program Sehari Bersama Masjid Daerah Seberang Perai Tangah (m/s 6)
6. Majlis Bacaan Yassin Dan Tahfiz Sempena Awal Muharam (m/s 7)
7. Bengkel AIPBT & AIPK (m/s 8)
8. Ekspo Mini Hijau 2011 (m/s 9)
9. Lab Fokus MPSP 2012 (m/s 10)
10. Kejohanan Boling Padang Piala YDP Edisi ke 9/2011 (m/s 11)
11. Laporan Lawatan Ke MPSP Sepanjang September – Disember 2011 (m/s 11)

Penaung
**Puan Maimunah Mohd Sharif
Yang DiPertua MPSP**

Penasihat
**Sr Tuan Haji Rozali bin Hj
Mohamud
Setiausaha Perbandaran**

Ketua Editor
En. Wan Junaidy bin Yahaya

Editor
Pn. Nor Azimah bt Ismail

Pen. Editor
**En. Mohd Faiz bin Abdul
Halim**

Jurugambar
**En. Sheikh Zakaria bin S.
Ahmad**

Percetakan
Ahmad Airin bin Adnan

**S
I
D
A
N
G
R
E
D
A
K
S
I**



Perutusan Yang Di Pertua

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera,

Bersyukur saya ke hadrat ilahi dengan kekuatan yang diberikan MPSP sekali lagi dapat menerbitkan Buletin Majlis Perbandaran Seberang Perai edisi ketiga (September - Disember 2011). Sesungguhnya kemunculan edisi ketiga buletin ini sebagai menyambung pendokumentasian aktiviti-aktiviti yang berlangsung dari semasa ke semasa untuk dikongsi bersama dengan masyarakat sekitar. Keluaran ini diharapkan dapat mewujudkan saluran penghubung antara semua pihak. Diharapkan sumbangan yang tidak seberapa ini akan memberikan impak yang positif kepada sidang pembaca.

MAJLIS MAKAN MALAM PESUKA 2011

Pada 18 November 2011, Persatuan Kebajikan Sukan dan Sosial (PESUKA) MPSP telah mengadakan Majlis Makan Malam PESUKA 2011 yang bertempat di Komplek Sukan Bertam, Kepala Batas dan telah disempurnakan oleh Tuan Yang Di Pertua MPSP, Puan Maimunah Mohd Sharif. Majlis tersebut diadakan sempena penyerahan piala iringan dan piala pusingan untuk pemenang Sukan Kerajaan Tempatan Zon Utara (SUKTU) yang telah berlangsung pada bulan April 2011 lalu. Sebanyak 7 buah Pihak Berkuasa Tempatan di negeri-negeri utara semenanjung telah mengambil bahagian dan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) telah dipilih sebagai juara keseluruhan bagi kesemua acara sukan yang telah dijalankan.





Dalam acara yang sama PESUKA turut menyampaikan beberapa anugerah dan sumbangan iaitu Anugerah Anak Cemerlang UPSR, PMR, SPM dan STPM serta Sumbangan Penyakit Kronik. Anugerah dan sumbangan telah disampaikan oleh Tuan Yang Di Pertua. Anugerah Anak Cemerlang diberikan kepada anak-anak ahli PESUKA yang telah berjaya mendapat keputusan cemerlang di dalam peperiksaan. Anugerah ini adalah tanda saguhati daripada pihak PESUKA dan juga sebagai rangsangan untuk anak-anak ahli yang bakal menduduki peperiksaan agar berusaha dengan lebih maju lagi. Selain itu, Sumbangan Penyakit Kronik turut disampaikan bagi membantu kakitangan dan keluarga ahli PESUKA yang telah menghidap penyakit kronik. Majlis diserikan lagi dengan pertunjukan fesyen batik oleh Batik Heritage. Pelbagai fesyen dan jenis batik yang menarik telah diperagakan



PROGRAM LA 21

Bertempat di Auditorium MPSP pada 30 November 2011, majlis Perhargaan Kepada CIMB Dan Perasmian Buletin Pusat Sumber Alam Sekitar SPT telah diadakan. Antara yang terlibat ialah pengurus-pengurus cawangan CIMB Bank, Ahli-ahli Majlis, Tuan Setiausaha Perbandaran, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pagawai kanan MPSP. Program ini dianjurkan oleh cawangan-cawangan CIMB seluruh Seberang Perai dan Pusat Sumber Alam Sekitar SPT.



Dalam program yang sama, Tuan Yang Di Pertua telah merasmikan pelancaran buku 'Commemorative Pictorial' yang dijadikan sebagai Buletin Pusat Sumber Alam Sekitar SPT. Program ini adalah sebagai kempen kesedaran mengenai kepentingan menjaga alam sekitar kepada warga Seberang Perai. Disamping itu, program ini juga dapat mengeratkan hubungan komuniti, warga emas dan muda bahkan para pelajar dalam sama-sama menjayakan kempen tersebut.

PERTANDINGAN GOLF TYT

Pada 11 Disember 2011 bertempat di Bukit Jawi Golf Resort, Majlis Perbadanan Seberang Perai telah menganjurkan satu pertandingan golf bersempena dengan hari jadi TYT Yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang yang ke-73. Pertandingan ini telah disertai oleh tetamu jemputan seramai 94 orang. Antara tetamu kehormat yang hadir ialah Yang Di Pertua MPSP, Puan Maimunah Mohd Sharif, mantan Yang Di Pertua MPSP, Dato' Ismail Mamat dan mantan Yang Di Pertua MPPP, Dato' Hj Mahadi Ibrahim, mantan Setiausaha Perbandaran MPSP, Encik Zainol Abidin Bin Md Noh serta tetamu yang diraikan Yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang, Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas.



Acara tersebut dimulakan dengan pendaftaran oleh para peserta yang mengambil bahagian dan diteruskan dengan sesi bergambar bersama TYT dan para peserta. Pertandingan dimulakan pada jam 8.00 pagi dan berakhir kira-kira jam 1.00 tengahari. Acara telah disambung dengan upacara memotong kek dan bacaan doa selamat sempena hari jadi TYT serta ucapan oleh Tuan Yang Di Pertua MPSP selaku Pengurus Pertandingan Golf Sempena Hari Jadi TYT Yang Ke-73. Dalam ucapan beliau, pertandingan golf ini diadakan setiap tahun oleh MPSP dan MPPP bersilih ganti bagi menjalinkan silaturrahim antara satu sama lain. Pelbagai hadiah menarik telah ditawarkan berjumlah sebanyak RM 17,000.00. Hadiah telah disampaikan oleh tetamu kehormat dan diselang selikan dengan cabutan bertuah.

FORUM RAKYAT

Pada 26 November 2011 bertempat di Flat PPRT Ampang Jajar, Permatang Pauh, satu forum rakyat telah diadakan. Forum yang bertajuk "Jenayah, Anda dan Integriti" telah dirasmikan oleh Ketua Polis Negeri Pulau Pinang DCP Dato' Wira Ayub Hj. Yaakob. Forum rakyat ini bertujuan menerap nilai integriti dikalangan orang awam disamping mendidik mereka supaya bekerjasama dengan pihak berkuasa dalam memerangi jenayah. Forum ini turut dihadiri oleh Tuan Yang Di Pertua MPSP Puan Maimunah Mohd Sharif.

Pelbagai pameran dan booth telah dibuka pada forum tersebut. Antara agensi yang terlibat adalah seperti Jabatan Penjara Malaysia, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Institut Integriti Negeri Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai.



PROGRAM SEHARI BERSAMA

MASJID

DAERAH SEBERANG PERAI TANGAH

Pada 18 Disember 2011, satu majlis telah diadakan di perkarangan Masjid Daerah Seberang Perai Tengah. Majlis yang bertajuk Program Sehari Bersama Masjid Daerah Seberang Perai Tengah disempurnakan oleh Imam Utama Masjid Daerah tersebut. Program ini bertujuan memupuk nilai-nilai murni dikalangan orang ramai khususnya golongan muda disamping dapat mengeratkan hubungan silaturrahim dikalangan orang ramai.

Pelbagai booth dan pameran telah diadakan pada hari tersebut di mana terdapat beberapa agensi kerajaan yang telah terlibat. Antara agensi yang terlibat adalah seperti Kementerian Kesihatan Malaysia, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Polis Di Raja Malaysia dan Majlis Perbandaran Seberang Perai. Dalam program yang sama, pihak pentadbiran masjid turut menganjurkan acara berkhatan beramai-ramai untuk kanak-kanak yang tinggal di kawasan sekitar Bandar Perda. Acara ini turut dimeriahkan lagi dengan iringan kumpulan kompong dan konvoi motorsikal.

Selain itu, pelbagai aktiviti telah diadakan antaranya seperti ceramah agama, gotong-royong, pertandingan futsal, sepak raga, gubahan bunga dan lain-lain lagi. Program tersebut selesai kira-kira jam 1.00 tengahari.



MAJLIS

BACAAN YASSIN DAN TAHLIL SEMPENA AWAL MUHARAM

Pada 26 November 2011, satu majlis bacaan Yassin dan tahlil peringkat negeri telah diadakan di Masjid Daerah Seberang Perai Utara, Teluk Air Tawar bersempena sambutan Tahun Baru Maal Hijrah 1433 telah. Antara tetamu kenamaan yang hadir ialah Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tuan Setiausaha Kerajaan Negeri, Timbalan Mufti, Speaker Dewan Undangan Negeri, Tuan Setiausaha Perbandaran MPSP serta para jemputan yang lain. Majlis ini disusuli dengan ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah jemputan dan diakhiri dengan solat berjemaah.



BENGKEL

AIPBT & AIPK

Pada 30 dan 31 Disember 2011 satu bengkel telah diadakan di hotel Paradise Sandy Beach Resort. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk membangunkan penyediaan dokumentasi bagi Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan dan Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan (AIPBT & AIPK). Bengkel yang dipengerusikan oleh Pengarah Perbendaharaan, Encik Mohd Hairay Bin Md Yusof disertai oleh 14 orang pegawai MPSP. Taklimat yang bertajuk "MPSP – Ke Arah Kreativiti dan Inovasi" telah diberikan oleh Pengarah Perbendaharaan kepada para peserta. Taklimat ini bertujuan memberi maklumat secara terperinci kepada para peserta tentang kedua-kedua anugerah tersebut. Pada hari yang berikutnya, sesi Brainstorming – Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan (AIPK) 2011 telah dijalankan.

AIPBT dan AIPK yang dianjurkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini diadakan pada setiap tahun. Sebanyak 154 pihak berkuasa tempatan telah pun dicalonkan untuk dalam anugerah ini di mana setiap pencalonan akan dipilih dan dinilai dari segi inovasi jabatan terlebih dahulu oleh MAMPU. AIPBT dan AIPK ini bertujuan untuk memberikan pengiktirafan kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang telah menunjukkan kecemerlangan pembudayaan inovasi dalam penyampaian perkhidmatan. Hadiah berupa wang tunai bernilai RM 300,000.00, piala serta sijil ditawarkan kepada agensi yang memenangi anugerah tersebut.



EKSPO

MINI HIJAU

2011

*E*kspo Mini Hijau 2011 telah diadakan pada 17 dan 18 Disember 2011. Ekspo yang bertema "Memelihara Untuk Masa Depan – Wacana Suria" telah diadakan di pusat membeli belah 1st Avenue, Georgetown dari jam 11.00 pagi hingga 9.00 malam dan dianjurkan oleh Penang Green Council Strategies Sdn. Bhd. (PGC).

Menurut pengurus pengelola Ekspo Mini Hijau 2011 merangkap ADUN Tanjung Bungah, YB Tuan Teh Yee Cheu, ekspo ini bertujuan untuk memupuk kesedaran di kalangan orang awam tentang kepentingan penggunaan tenaga mampan. Selain itu, ekspo ini juga berfungsi untuk memperkenalkan tenaga suria sebagai salah satu sumber utama Negara yang boleh diperbaharui, dan juga mempromosi Pameran Utama "Memelihara Untuk Masa Depan – Wacana Penuh" yang akan diadakan pada September 2012.

Sebanyak 15 agensi yang terdiri daripada agensi kerajaan, organisasi bukan kerajaan dan sektor persendirian telah mengambil bahagian dalam program ini. MPSP merupakan salah satu agensi kerajaan yang terlibat di mana Jabatan Perkhidmatan Perbandaran telah menjadi wakil bagi pihak Majlis dalam menjayakan program ini. Jabatan Perkhidmatan Perbandaran telah mengadakan pameran mengenai pengurusan sisa pepejal dan kitar semula. Selain itu, terdapat sesi ceramah, persembahan dan pertunjukan video klip yang berkaitan dengan pengurusan alam sekitar dan penghijauan bumi. Pada hari yang sama juga, sesi Penyampaian Anugerah Sekolah Hijau turut diadakan.

LAB

FOKUS MPSP 2012



Lab Pembentukan Fokus 2012 telahpun diadakan di Hotel Paradise, Pulau Pinang. Program ini telah berlangsung pada 18 hingga 19 Disember 2011. Seramai 72 orang peserta dari setiap jabatan telah terlibat dalam program ini. Lab Pembentukan Fokus 2012 ini adalah bertujuan untuk membolehkan setiap jabatan di MPSP mewujudkan Fokus dan KPI jabatan masing-masing atau perancangan untuk tahun 2012.



**KEJOHANAN
BOLING PADANG PIALA YDP
EDISI KE 9/2011**

*K*ejohanan ni adalah kejohanan tahunan yang dianjurkan oleh MPSP sejak tahun 2003 dan memasuki edisi yang ke-9 bagi tahun 2011 dan konsep kejohanan ini adalah permainan tanpa henti selama 24 jam dan telah diadakan pada 30 Disember 2011 bermula jam 9:00 malam dan berakhir pada 31 Disember 2011 jam 5:00 petang. Kejohanan ini telah disertai oleh 26 pasukan dari Perlis, Kedah, Selangor, Perak, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang. Keputusan kejohanan ini berpihak kepada pasukan dari Pulau Pinang bagi tempat pertama dan kedua. Manakala tempat ketiga pula dimenangi oleh pasukan dari Perlis.



**LAPORAN LAWATAN KE MPSP SEPANJANG
SEPTEMBER – DISEMBER 2011**

TARIKH	AGENSI	BIL PELAWAT	TUJUAN
15/9/2011	Majlis Perbandaran Temerloh, Pahang	15	Mempelajari Sistem Kewangan Bersepadu MPSP
22/09/2011	Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim	15	Mempelajari Sistem Komputer Bersepadu dan Sistem Kewangan
06/10/2011	Majlis Perbandaran Kangar, Perlis	12	Mempelajari Sistem Kewangan dan Cukai Taksiran
24/10/2011	Majlis Perbandaran Taiping, Perak	4	Lawatan Penandarasan (Benchmarking) Unit Audit Dalam dan Kualiti
14/11/2011	Majlis Perbandaran Pulau Pinang	20	Mempelajari Sistem Pelesenan
14/11/2011	Perbadanan Putrajaya	15	Mempelajari Sistem Kewangan Bersepadu MPSP
21/11/2011	Universiti Teknologi Mara (UITM) Puncak Alam	94	Taklimat mengenai Pengurusan Sisa Pepejal di Tapak Pelupusan Ampang Jajar dan Pulau Burung
21/11/2011	Universiti Kolej Of Medical Sains (AUCMS)	22	Taklimat mengenai Pengurusan Sisa Pepejal di Tapak Pelupusan Ampang Jajar dan Pulau Burung
23/11/2011	Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim	15	Mempelajari Sistem Komputer Bersepadu yang digunakan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan (modul gaji)
12/12/2011	Majlis Perbandaran Kemaman, Terengganu	15	Mempelajari Sistem Penilaian
12/12/2011	Majlis Perbandaran Pulau Pinang	12	Mempelajari Sistem Kewangan dan Cukai Taksiran
21/12/2011	Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSPK)	25	Mempelajari Sistem Kewangan Dan Cukai Taksiran
21/12/2011	Majlis Perbandaran Pulau Pinang	30	Mempelajari Sistem Penilaian
23/12/2011	Majlis Daerah Tanah Merah, Kelantan	55	Mempelajari Sistem Kewangan Bersepadu MPSP



